

# Getah asli: Belanda yg pertama sokong kita

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Belanda—negara pertama dari sembilan ahli Pertubuhan Ekonomi Eropah (EEC) menyokong Kuala Lumpur dijadikan Ibupejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA).

Bercakap kepada para pemberita hari ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan sokongan Belanda itu sangat menggalakkan usaha Malaysia untuk matlamat itu.

"Manakala Jerman pula hanya melahirkan perasaan simpati terhadap isu tersebut setakat ini," ujar beliau.

United Kingdom—sahlah sebuah negara anggota EEC kini sedang berusaha agar Ibupejabat INRA ditempatkan di London dengan alasan negara tersebut sebagai pusat perdagangan manakala Malaysia berpendapat pusat tersebut sepatutnya di sini—negara pengeluar getah asli yang terbesar di dunia.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian selepas menerima kunjungan Menteri Luar Belanda, Dr. C.A. van der

Klaauw di pejabatnya di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan selain itu, mereka juga membincangkan masalah kerjasama kedua negara sama ada dari segi perdagangan mahupun latihan tenaga mahir.

Mengenai perdagangan beliau berkata, hubungan perdagangan antara kedua negara adalah baik dan menggalakkan memandangkan pelabuhan Rotterdam merupakan

pelabuhan terbesar di Eropah.

Mengenai pelaburan, beliau menerangkan, Belanda bersetuju menambahkan pelaburan di negara ini jika mereka merancang untuk membesarkan perusahaan mereka.

"Saya mencadangkan supaya mereka melabur ke negara ini dan ini tidak bermakna mereka mesti memindahkan industri di negara mereka itu ke sini.

"Dr. Klaauw memberitahu, dengan mempunyai tenaga buruh yang murah tidak mencukupi tanpa mengeluarkan pengeluaran yang memuaskan.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah, "Saya memberitahu Dr. Klaauw bahawa pelaburan di Malaysia menguntungkan kerana tenaga buruh di negara ini mudah diberi latihan dan pulangan yang baik serta menguntungkan."

Mengenai latihan tenaga mahir, beliau menerangkan Belanda menawarkan latihan pentadbiran kepada Malaysia.

"Jika bilangan mereka ramai, Kerajaan Belanda bersetuju menghantar pakar untuk melatih rakyat Malaysia dalam bidang pentadbiran," ujar Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.